

BAB 2

BANTUAN

KECEMASAN


LATIH TUBI

**BAB 2.1 RESUSITASI KARDIOPULMONARI
(CARDIOPULMONARY RESUSCINATION,CPR)**

Nama Penuh :

Tingkatan :

A. Padankan kaedah CPR yang betul



Jika mangsa bernafas tetapi belum sedar, ubah kedudukan badan mangsa dalam keadaan mengiring.

Tekanan dada. Jika nadi atau pernafasan tidak dapat dikesan, teknik tekanan dada perlu dilakukan.

Bantuan pernafasan. Lakukan tekanan dada 30 kali diikuti 2 kali hembusan mulut ke mulut. Lakukan secara berulang sehingga ambulans tiba atau mangsa sedar.

Buka saluran pernafasan. Periksa sama ada mangsa bernafas atau tidak.

Bantuan pernafasan. Jika masih tiada pernafasan, picit hidung mangsa, hembuskan udara ke dalam mulutnya.

Periksa respon mangsa. Tepuk bahu dan tanya "adakah anda OK?"

B. Sila pilih jawapan yang betul.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan resusitasi kardiopulmonari, CPR ?

- A. Bantuan kecemasan yang melibatkan teknik tekanan dada dan hembusan udara ke dalam mulut
- B. Teknik hembusan udara ke mulut dan hidung
- C. Bantuan kecemasan yang dilakukan kepada seseorang yang tercekik
- D. Teknik tekanan belakang badan

2. Berikut merupakan mangsa yang boleh diselamatkan menggunakan kaedah CPR KECUALI



3. Apakah kepentingan teknik tekanan dada semasa melakukan CPR?

- A. Mengeluarkan objek tersangkut di laluan pernafasan
- B. Supaya jantung dapat mengepam darah ke seluruh badan
- C. Mangsa dapat menerima udara beroksigen masuk ke dalam paru
- D. Melancarkan aliran masuk ke dalam otak

4. Berikut merupakan teknik dan kaedah dalam CPR KECUALI

- A. Periksa respon mangsa
- B. Tekanan dada
- C. Tekanan kuat di perut mangsa.
- D. Bantuan pernafasan.

5. Apakah masalah yang boleh timbul jika seseorang tidak mahir menggunakan kaedah CPR melakukan CPR kepada mangsa lemas?

- A. Tulang rusuk boleh patah
- B. Kegagalan buah pinggang
- C. Sesak nafas
- D. Kecederaan perut

6. Berikut merupakan situasi seseorang yang memerlukan CPR KECUALI

- A. Seseorang tidak bernafas
- B. Seseorang tercekik makanan
- C. Seseorang tidak memberikan respon terhadap rangsangan
- D. Seseorang tiada nadi dan degupan jantung

7. Kaedah manakah yang membantu udara beroksigen memasuki peparu mangsa semasa CPR dilakukan?

- A. Tekanan dada
- B. Hembusan mulut ke mulut
- C. Baringkan mangsa mengiring
- D. Dongakkan kepala mangsa ke belakang

8. Pak Abu melakukan teknik tekanan dada sahaja kepada mangsa lemas. Adakah betul tindakan beliau?

- A. Betul
- B. Salah

9. Apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan jika mangsa telah bernafas tetapi tidak sedar selepas CPR dilakukan?

- A. Teruskan tekanan dada 30 kali diikuti 2 kali bantuan pernafasan
- B. Ubah kedudukan mangsa dalam keadaan mengiring
- C. Tepuk bahu mangsa dan tanya "adakah anda OK?"
- D. Melakukan hembusan mulut ke mulut dengan lebih kerap

10. Apakah kesan jika degupan jantung mangsa terhenti secara tiba-tiba?

- A. Saluran pernafasan terhalang
- B. Kandungan karbon dioksida tinggi di dalam darah
- C. Pertukaran gas dalam paru-paru tidak berlaku
- D. Darah yang membawa oksigen tidak dapat mengalir ke seluruh badan dan otak.